



# Adventure Studio -

## Lokasi Baharu Tumpuan Pelancong di i-City

Kagum dan teruja. Hanya itu yang dapat diungkapkan saat selesai mengunjungi Adventure Studio iaitu sebuah lagi tarikan baharu di kota kerian i-City yang memberi pengetahuan dan pembelajaran yang pastinya sukar diperoleh di mana-mana.

Tahukah anda, i-City penuh dengan pelbagai elemen permainan menarik yang memukau pengunjung untuk datang beramai-ramai ke sana. Sesuaiilah dengan konsep utamanya untuk menjadi tempat riadah buat seisi keluarga yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Hanya berjalan di kawasan jalanan i-City, anda memperoleh pengalaman baharu seperti hanyut tanpa sebarang amaran oleh **TYPHOON 8** - taufan pertama di Malaysia yang

pastinya bukan untuk mereka yang lemah semangat!

Di sini juga, pengunjung turut berkesempatan untuk menonton filem kembara terbaharu di pawagam berbentuk-U yang hanya boleh ditemui di **TEATER SFX, I-CITY!**

Umpama menyelusuri perjalanan kehidupan marin yang luas, jangan lupa untuk menerokai keindahan hidupan laut dalam melalui dunia sub-akuatik di **SUBMARINE**, kapal selam multimedia yang berteknologi tinggi di Malaysia! Rebutlah peluang ini untuk melihat kehidupan laut dengan lebih dekat selain menikmati pemandangan habitat hidupan laut yang menawan dan terpencil.

Pastinya, bagi pengunjung kanak-kanak, rasa keterujaan tidak dapat dibendung lagi apabila dapat beraksi di tarikan-tarikan lain seperti **ITSY BITSY**, **JUNGLE ADVENTURE** dan **FUN DRIVE**, membuatkan hari mereka ketika itu cukup bermakna.

Untuk mendapatkan info terkini mengenai tarikan terbaru i-City, anda boleh layari laman sesawang [iticket.i-city.my](http://iticket.i-city.my).

